From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 7 August, 2022 4:36:06 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Anak Allahyarham Afendy Terima Skim Takaful RM82,000

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

7 OGOS 2022 / 9 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed
Gambar oleh: Abd Halim Husain

ANAK ALLAHYARHAM AFENDY TERIMA SKIM TAKAFUL RM82,000



UUM ONLINE: Anak Pegawai Tadbir di Jabatan Pendaftar, Universiti Utara Malaysia (UUM), Nur Fathiah Atiqah Afendy, 20, menerima replika cek Skim Takaful MKSK UUM-Takaful Ikhlas yang berjumlah RM82,000.

Cek itu disampaikan Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah dengan disaksikan oleh Naib Presiden Corporate Solution Department Takaful Ikhlas, Suhaimi Ismail dan Pendaftar, Ahmad Rasidi Abdullah.

Haim Hilman dalam ucapannya berharap wang yang diterima itu akan membantu keluarga Allahyarham nanti untuk meneruskan kehidupan mereka.

Katanya, Skim Takaful Berkelompok MKSK ini mula diperkenalkan di UUM pada 2018 dan mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti ke-250 Bil 10/2018 untuk mempromosikan skim ini kepada staf universiti.

“MKSK hanya menjadi penaung dan pemegang polisi induk sahaja dan tidak terlibat dalam hal-hal berkaitan tuntutan staf, sijil penyertaan, penyata cukai pendapatan dan perihal dokumen lain,” ujarnya lagi.

Skim ini adalah untuk menjaga kebajikan staf, ahli keluarga serta waris dengan memberi perlindungan kepada waris jika pencarum ditimpa penyakit, musibah dan kematian.

Polisi Induk Skim Takaful MKSK ini diaktifkan sejak 1 Jun 2019 dengan penyertaan awal staf dan ahli keluarga berjumlah 630 orang dan kini meningkat kepada 1,092 orang.

Manakala jumlah tuntutan manfaat yang telah diterima oleh staf mulai tahun 2020 sehingga kini berjumlah RM96,920.

Oleh itu, beliau menyarankan mereka yang belum menyertainya boleh mendapatkan penjelasan dan maklumat mengenai skim ini nanti.

Sementara itu, Suhaimi dalam ucapan aluannya berkata, seramai 1,092 orang telah mencarum dalam skim ini meliputi pegawai 526, pasangan 303 dan untuk anak-anak berjumlah 263 caruman.

“Caruman ini membolehkan mereka mendapat manfaat kematian, khairat kematian dan elaun hospital,” ujarnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.